

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BT. ANWAR  
(PERMATANG PAUH)**

**TARIKH : 9 JULAI 2019**

**SOALAN NO.**

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini pembaharuan sistem penjara seperti yang dinyatakan oleh YB Menteri pada 22 April 2019, terutamanya berikutan pengumuman sasaran Jabatan Penjara untuk menyerap sebanyak 75% banduan tidak ganas ke dalam perkhidmatan komuniti korektif menjelang 2030.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pelaksanaan pelan reformasi penjara akan membolehkan 2/3 banduan sabitan yang layak menjalani pemulihan di luar penjara menjelang 2030. Ini adalah selaras dengan fungsi dan konsep sesebuah penjara yang bertujuan antaranya untuk membangunkan semula insan dan mengintegrasikan semula ke dalam masyarakat.

Berasaskan sasaran tersebut, pencapaian serta proses yang sedang dalam tindakan adalah seperti berikut:

- i. Pada ketika ini pencapaiannya adalah 16.8% dari 22,000 banduan yang layak (2/3 dari banduan yang layak), sedang menjalani program parol, Perintah Kehadiran Wajib dan Program Reintegrasi Penghuni Industri di luar penjara;
- ii. Berasaskan kejayaan yang dicapai melalui Sistem Parol dan Perintah Kehadiran Wajib yang sedang dilaksanakan, cadangan perluasannya telah dibuat oleh Jabatan Penjara yang melibatkan pindaan kepada Peraturan-Peraturan Penjara 2000 serta pindaan kepada tempoh hukuman bagi Perintah Kehadiran Wajib;
- iii. Jabatan Penjara Malaysia juga telah mengemukakan cadangan pindaan terhadap Peraturan-Peraturan Penjara melalui pelepasan bersyarat (pelepasan secara lesen) untuk sebahagian besar daripada 16,000 banduan, yang mana hukumannya adalah satu tahun ke bawah. Melalui pelepasan secara lesen tersebut, banduan yang memenuhi syarat pemilihan boleh mengikuti program latihan pekerjaan di mana banyak tawaran telah diterima dari sektor perkilangan, pembuatan, pembinaan, perkhidmatan dan pertanian;

- iv. Memperkasakan latihan kemahiran vokasional, latihan bersijil serta sistem latihan pekerjaan di dalam penjara bagi membolehkan banduan yang layak, dipertimbangkan untuk mengikuti program pekerjaan dan program Reintegrasi Penghuni Industri. Faktor peluang pekerjaan adalah antara faktor utama yang mampu membendung pengulangan kes jenayah dan residivis;
- v. Memperkemaskan sistem pemulihan yang dilaksanakan dari segi ujian psikologi yang bersesuaian dengan kategori banduan berkenaan untuk melihat kesediaan penerimaan pemulihan, kesesuaian bentuk pemulihan dan tahap risiko seseorang banduan;
- vi. Cadangan *Probation* dan *Community Correction* yang melibatkan pelbagai alternatif kepada hukuman pemenjaraan, sedang dalam penilaian oleh institusi perundangan dan kehakiman; dan
- vii. Mengemukakan cadangan pelaksanaan *Prison Supervision* untuk bekas banduan dalam tempoh tertentu bagi membolehkan bekas banduan turut dibantu menyesuaikan diri ke dalam komuniti, serta semasa dalam tempoh penyeliaan tersebut diberi peluang pekerjaan yang bersesuaian.

Kementerian Dalam Negeri serta Jabatan Penjara Malaysia juga sentiasa mengadakan sesi *engagement* dengan Agensi-agensi berkaitan berhubung reformasi penjara bagi memastikan komponen-komponen di bawah inisiatif yang dirangka ini dapat dilaksanakan dalam masa terdekat.